

1. Encik Jazlan makan makanan seimbang setiap hari dan selalu bersenam kerana dia _____ bahawa

- ☐ A hidup ini suatu perlumbaan
- ☐ B membazir itu amalan syaitan
- ☐ C rajin dan usaha tangga kejayaan
- ☐ D otak yang cerdas ada pada badan yang sihat

2. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Keputusan pertandingan juara lagu sudah diketahui umum namun masih banyak peminat seni tanah air yang bercakap-cakap tentangnya.

- ☐ A menangguk di air keruh
- ☐ B orang mengantuk disorongkan bantal
- ☐ C sebab nila setitik rosak susu sebelanga
- ☐ D rumah sudah siap, pahat masih berbunyi

3. Maksud peribahasa "bagai menghitung bulu kambing" ialah...

- ☐ A melakukan sesuatu pekerjaan separuh jalan sahaja.
- ☐ B membuat sesuatu secara diam-diam dan perlahan-lahan.
- ☐ C melakukan perkara atau pekerjaan yang tidak bermanfaat.
- ☐ D melakukan perbuatan yang menjejaskan maruah keluarga.

4. Soalan yang berikut berdasarkan gambar di bawah ini.



Anak-anak perempuan Puan Sagitha _____ kerana selalu membantunya di rumah.

- ☐ A ringan tulang
- ☐ B cepat tangan
- ☐ C tangan terbuka
- ☐ D tulang belakang

5. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Encik Borhan berfikir masak-masak sebelum bersetuju untuk melabur dalam syarikat Encik Lee.


- ☐ A sesal dahulu pendapatan, sesal kemudian tidak berguna
- ☐ B sepandai-pandai tupai melompat, sekali terjatuh juga
- ☐ C sekali tersengat, selalu beringat
- ☐ D pahit dahulu, manis kemudian

6. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Setiap hari, Zafrul akan menyimpan sebahagian daripada duit belanjanya di dalam tabung. Akhirnya, dengan duit simpanannya itu, Zafrul dapat membeli sebuah kereta.

- ☐ A sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit
- ☐ B di mana ada kemahuan di situ ada jalan
- ☐ C genggam bara api biar sampai jadi arang
- ☐ D kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya

7. Lihat gambar di bawah ini dengan telitinya. Berdasarkan pasangan gambar tersebut, pilih satu peribahasa yang sesuai.



- ☐ A tak akan terlawan buaya menyelam
- ☐ B seperti buaya bertemu bangkai hanyut
- ☐ C air yang tenang jangan disangka tiada buaya
- ☐ D terlepas daripada mulut buaya masuk ke mulut harimau

8. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Amalan bantu-membantu dalam masyarakat dapat mewujudkan hubungan yang harmoni.

- ☐ A bagai isi dengan kuku
- ☐ B bagai aur dengan tebing
- ☐ C bagai beliung dengan asahan
- ☐ D bagai lebah menghimpun madu

9. Maksud peribahasa "laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan" ialah...

- ☐ A kita harus tabah menghadapi segala kesukaran.
- ☐ B usaha yang gigih pasti akan memperoleh kejayaan.
- ☐ C segala usaha yang dilakukan pasti ada kesukarannya.
- ☐ D sesuatu pekerjaan perlu dilakukan dengan sungguh-sungguh.

10. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Selepas terlibat dalam kemalangan jalan raya, Asri diberhentikan kerja pula atas alasan keadaan kesihatan yang tidak memuaskan.

- ☐ A sudah patah yang bertaji
- ☐ B seperti abu di atas tunggul
- ☐ C seperti hujan jatuh ke pasir
- ☐ D sudah jatuh ditimpa tangga

11. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kamalesh hendak meniru lagak orang kaya tetapi dirinya sendiri yang susah.

- ☐ A kalah jadi abu, menang jadi arang
- ☐ B lembu punya susu, sapi dapat nama
- ☐ C enggang sama enggang, pipit sama pipit
- ☐ D gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar

12. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Kami menghormati budaya masyarakat di negara matahari terbit itu sewaktu kami menuntut di sana.

- ☐ A ke tengah boleh, ke tepi pun boleh
- ☐ B duduk sama rendah, berdiri sama tinggi
- ☐ C di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung
- ☐ D bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

13. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Hubungan antara penduduk Kampung Setia sangat akrab dan sukar dipisahkan.

- ☐ A berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- ☐ B ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- ☐ C buat baik berpada-pada, buat jahat jangan sekali
- ☐ D bulat air oleh pembetung, bulat manusia oleh muafakat

14. Maksud peribahasa "bumi mana yang tidak ditimpa hujan" ialah...


- ☐ A memutuskan tali persahabatan.
- ☐ B setiap orang ada masanya berbuat salah.
- ☐ C pekerjaan yang lambat mendatangkan hasil.
- ☐ D orang berpangkat telah diturunkan pangkatnya.

15. Pilih peribahasa yang sesuai dengan maksud di bawah ini.

Pekerjaan yang sia-sia

- ☐ A seperti Belanda minta tanah
- ☐ B seperti embun di hujung rumput
- ☐ C bagai menghitung bulu kambing
- ☐ D bagai mencurahkan air ke daun keladi

16. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilihlah peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	alang-alang mandi biar basah
II	belum duduk sudah berlunjur
III	genggam bara api biar sampai jadi arang
IV	adat periuk berkerak adat lesung berdedak

- ☐ A I dan III
☐ B II dan III
☐ C II dan IV
☐ D I dan IV

17. Peribahasa yang berikut mempunyai maksud yang hampir sama, **kecuali**...

- ☐ A banyak undang banyak garam, banyak orang banyak ragam.
☐ B rambut sama hitam, hati masing-masing berlainan.
☐ C di luar bagai madu, di dalam bagai hempedu.
☐ D lain dulang lain kaki, lain orang lain hati.

18. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Govind berasa tidak puas hati lalu menuntut lebih banyak harta pusaka mendiang bapa angkatnya.

- ☐ A seperti api dalam sekam
☐ B seperti Belanda minta tanah
☐ C seperti gunting makan di hujung
☐ D seperti ayam mematuk anaknya

19. Lihat gambar bersiri di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan gambar bersiri tersebut, pilihlah peribahasa yang sesuai.



	Peribahasa
I	bagai dihiris sembilu
II	bagai kumbang putus tali
III	bagai cendawan kememeh
IV	bagai kaca terhempas ke batu

- ☐ A I dan II
☐ B II dan III
☐ C III dan IV
☐ D I dan IV

20. Selepas melahirkan anak sulung, Puan Robiah mengabaikan anak angkatnya. Kasih sayang yang terjalin antara Puan Robiah dengan anak angkatnya diibaratkan...

- ☐ A seperti embun di hujung rumput.
☐ B seperti kaca terhempas ke batu.
☐ C seperti telur di hujung tanduk.
☐ D seperti hujan jatuh ke pasir.